

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN**  
**[ KOTA BHARU ]**

**TARIKH : 9 JUN 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah kriteria kes-kes mahkamah yang mana Peguam Negara melantik Pendakwa Raya daripada luar jabatan berkenaan.**

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peguam Negara mempunyai budi bicara untuk mengambil berkhidmat mana-mana peguam bagi tujuan menghadiri prosiding di mahkamah mengikut keperluan. Untuk perkhidmatan tersebut, Peguam Negara akan memberikan kebenaran bertulis sebagaimana yang diperuntukkan oleh seksyen 379 Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593].

2. Antara peguam yang pernah diambil berkhidmat oleh Kerajaan adalah seperti yang berikut:

- (a) Tan Sri Cecil Abraham, Rishwant Singh a/l Amarjeet Singh dan Sunil Abraham telah dilantik untuk mewakili Kerajaan dalam beberapa kes-kes guaman;
- (b) Tan Sri Dr. Muhammad Shafee bin Abdullah bagi mengendalikan rayuan terhadap Dato' Seri Anwar bin Ibrahim;
- (c) Datuk Tan Hock Chuan telah dilantik bagi tujuan menjalankan inkues kematian mendiang Teoh Beng Hock;
- (d) Dato' Dr. Cyrus Das telah dilantik mewakili Pendakwa Raya seperti yang dilaporkan dalam kes Public Prosecutor v Ottavio Quatrocchi [2003] 1 MLJ 225; dan

- (e) mendiang David Marshall pernah diberikan kebenaran untuk mewakili pihak pendakwaan seperti dilaporkan dalam kes Hamsa Kunju v Regina [1963] 1 MLJ 228.

Sekian, terima kasih.